

## **TAK SALAH WANITA LAMAR LELAKI**

Oleh: Nor Nabilah binti Baharudin, 1172555

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 11 Ogos 2020*

Perbuatan wanita melamar lelaki atau perigi mencari timba masih dianggap perkara yang janggal dalam masyarakat kita, walaupun dalam zaman teknologi serba canggih ketika ini.

Malah, sebahagian anggota masyarakat menganggap wanita yang mentakdim atau memulakan langkah melamar lelaki ini mempunyai harga diri yang rendah, kurang sifat malu dan terdesak.

Situasi itu menyebabkan hasrat seorang wanita yang mahu melamar jejaka yang diminatinya terbantut disebabkan mitos kehadiran orang tengah atau bimbang hanya bertepuk sebelah tangan.

Wanita yang ingin melamar lelaki perlu sentiasa bersedia menghadapi segala kemungkinan dan pada masa yang sama, memastikan tindakan itu dilakukan dengan niat yang betul.



Gambar hiasan. Sumber: Baitulmuslim.com.

Persoalannya, apakah persediaan yang harus dilakukan jika wanita sudah mempunyai calon di hati? Bagaimana pula langkah untuk melamar si dia dan adakah ada harapan untuk menjadikan si dia sebagai suami?

Baru-baru ini, tular dalam media sosial kisah seorang gadis bernama Ayu telah melamar lelaki pilihannya secara spontan dan mendapat maklum balas positif daripada netizen. Hasil keberanian Ayu, dia kini bergelar tunang kepada lelaki yang dilamarnya itu.



Foto 2. Ayu selamat bertunang pada pertengahan Julai.

Sumber: Twitter @nrfrhidxy,Seismik.

Jika seseorang wanita sudah menemui calon yang baik agama serta akhlaknya, usah segan untuk melakukan langkah seterusnya. Islam tidak melarang wanita untuk melakukan lamaran, bahkan ia adalah satu tindakan yang harus dipuji.

Kisah Saidatina Khadijah yang melamar Nabi Muhammad SAW membuktikan tanggapan masyarakat bahawa jatuh maruah wanita untuk melamar lelaki adalah tidak benar.

Sebaik-baiknya, lakukan solat sunat istikharah bagi memohon petunjuk daripada Allah SWT sama ada calon yang dihajatkan itu adalah yang terbaik.

Selain itu, boleh dapatkan bantuan rakan-rakan untuk merisik sama ada lelaki tersebut sudah berpunya dan mengetahui latar belakangnya.

Seterusnya, jika segan untuk melamar secara berdepan, boleh diwakili melalui individu yang dipercayai seperti teman rapat atau ahli keluarga.

Wanita yang melamar pula perlu berlapang dada menerima apa sahaja keputusan si lelaki. Sekiranya si dia belum bersedia atau menolak lamaran, usah bimbang. Pasti ada jodoh yang lebih baik menanti.

Sebaliknya, apabila lamaran diterima, bersedialah pula untuk fasa pertunangan. Persiapkan diri dengan ilmu kekeluargaan dan perkukuhkan kedudukan kewangan untuk menempuh alam perkahwinan kelak.